

Abdullah mulakan lawatan 3 hari ke Yemen

Daripada MOHD. KAMIL YUSUFF

SANA'A 27 Feb. - Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi tiba di sini hari ini bagi memulakan lawatan tiga hari ke Yemen, negara Timur Tengah di Semenanjung Arab yang juga salah sebuah pusat peradaban tertua di dunia.

Rombongan beliau turut disertai oleh Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar; Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdullah Mohd Zin dan beberapa orang Ahli Parlimen.

Abdullah tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Sana'a pada pukul 6.30 petang waktu tempatan (12.30 malam waktu Malaysia) dengan pesawat khas dari Syria. Beliau sebelum itu mengadakan lawatan kerja tiga hari ke negara tersebut. Perdana Menteri mempunyai aturcara padat sepanjang tiga hari di sini.

Ini adalah lawatan pertama beliau ke

UM-28/2/2007.
negara ini sejak menjadi Perdana Menteri pada 2003. Hubungan diplomatik Malaysia-Yemen secara rasmi bermula kira-kira sembilan tahun lalu walaupun hubungan dagang kedua-dua negara Islam ini telah terjalin lebih 600 tahun lalu.

Besok beliau akan mengadakan perbincangan dengan Presiden Yemen, Ali Abdullah Saleh di Istana Presiden sebelum menemui rakan sejawatannya, Abdul Qadir Bajamal. Perdana Menteri juga akan menghadiri Forum Perdagangan Malaysia-Yemen pada tengah harinya.

Pada sebelah petang, Abdullah dan rombongan akan melawat bandar lama Sana'a iaitu Bab-Al-Yemen yang berusia lebih 600 tahun. Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengisytiharkan bandar ini sebagai salah sebuah warisan dunia dan mengekalkan rupa bentuk bangunannya seperti asal.

Pada hari terakhir lawatannya, Perdana Menteri akan mengadakan perbincangan dengan ahli-ahli Majlis Syura, Ulama dan Cendekiawan Yemen sebelum berlepas ke Hadhramaut, kira-kira 400 kilometer dari sini bagi mengadakan perjumpaan dengan

FAKTA YEMEN

Ibu negara (dan kota terbesar): Sana'a
15°21' N 12°24' E

Bahasa rasmi: Bahasa Arab
Kerajaan: Republik

● Presiden: Ali Abdullah Saleh

● Perdana Menteri: Abdul Qadir Bajamal

Penubuhan: Penyatuan 22 Mei 1990

Keluasan

● 527,968 km²

Penduduk:

● Anggaran Julai 2005: 20,975,000


● Kepadatan: 40/km² (160)104/km persegi

KDNK (KKP) Anggaran 2005

● Jumlah: \$19.480 billion

● Per kapita: \$900

Mata wang: Riyal Yemen \$1 = 198.13 Riyal (YER)



para pelajar Malaysia di sana.

Abdullah dan rombongan akan mengakhiri lawatannya dengan melawat bandar lama

Shibam dan Tarim sebelum berlepas pulang ke Kuala Lumpur pada sebelah petangnya.

- Utusan